

D.R. 51/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.

2. Kanun Tatacara Jenayah, yang disebut "Kanun" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 133—

Pindaan seksyen 133.
N.M.B.
Bab 6.

(a) dengan menggantikan subseksyen (i) dengan subseksyen yang berikut:

"(i) When a Magistrate takes cognisance of an offence on a complaint—

(a) the Magistrate shall set a date to examine the complainant in accordance with this section;

- (b) the Magistrate shall serve on the Public Prosecutor a notice in writing at least seven clear days before the date of the examination of the complainant and such notice shall specify the date of the examination of the complainant and the particulars of the complaint received by the Magistrate under section 128;
 - (c) the Magistrate shall not proceed to examine the complainant unless the notice required by paragraph (b) has been served on the Public Prosecutor in accordance with that paragraph;
 - (d) the Magistrate shall examine the complainant upon oath and the substance of the examination of the complainant shall be reduced to writing and shall be signed by the complainant and by the Magistrate;
 - (e) the Public Prosecutor may appear and assist the Magistrate in the examination of the complainant.";
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (i) subseksyen yang berikut:

"(iA) Notwithstanding subsection (i), the Public Prosecutor may at any stage of the examination direct the police to investigate the offence complained of and to report thereon to the Public Prosecutor.

(iB) If the Public Prosecutor directs the police to investigate the offence complained of, the Magistrate shall not proceed with the examination of the complainant."; dan

- (c) dalam subseksyen (ii), dengan menggantikan perkataan "officer or by a" dengan perkataan "officer, public officer or".

3. Seksyen 134 Kanun adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 134.

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (i) seksyen 134;
- (b) dalam subseksyen (i), dengan memasukkan selepas perkataan "report to him" perkataan "and to the Public Prosecutor"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (i) subseksyen yang berikut:

"(ii) If the Magistrate decides to inquire into the case himself in accordance with subsection (i), the Magistrate shall serve on the Public Prosecutor a notice in writing at least seven clear days before the date of the inquiry and the Public Prosecutor may appear and assist the Magistrate in such inquiry."

4. Seksyen 135 Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (ii) subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 135.

"(iii) Notwithstanding subsections (i) and (ii), the Public Prosecutor may, if he thinks fit, inform the Magistrate that no prosecution shall proceed in respect of the offence complained of, and thereupon the Magistrate shall dismiss the complaint."

5. Seksyen 376 Kanun adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 376.

- (a) dalam subseksyen (iii), dengan memasukkan selepas perkataan "personally" perkataan "and he may designate any of such Deputy Public Prosecutors as Senior Deputy Public Prosecutors"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (iii) subseksyen yang berikut:

"(iiiA) The Public Prosecutor may appoint fit and proper persons to be Assistant Public Prosecutors who shall be under the general control and direction of the Public Prosecutor and, subject to such limitations or restrictions as may be specified by the Public Prosecutor, shall have all the powers of a Deputy Public Prosecutor."

Pindaan
seksyen 377

6. Seksyen 377 Kanun adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "a High Court and every criminal prosecution for a seizable offence" dengan perkataan "any court";
- (b) dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(a) by the Public Prosecutor, a Senior Deputy Public Prosecutor, a Deputy Public Prosecutor or an Assistant Public Prosecutor;

(b) subject to the control and direction of the Public Prosecutor, by the following persons who are authorised in writing by the Public Prosecutor:

- (1) an advocate;
- (2) a police officer not below the rank of Inspector;
- (3) an officer of any Government department;
- (4) an officer of any local authority;
- (5) an officer of any statutory authority or body; or

- (6) any person employed or retained by any local authority or any statutory authority or body"; dan

(c) dalam proviso—

- (i) dengan memotong perkataan "for seizable offences" yang terdapat selepas perkataan "to direct that prosecutions"; dan
- (ii) dengan menggantikan noktah bertindih yang terdapat selepas perkataan "Inspector" dengan noktah dan memotong semua perkataan yang terdapat selepas noktah bertindih itu.

7. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 378 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 378

"No one to appear for Public Prosecutor. 378. No person shall appear on behalf of the Public Prosecutor on any criminal appeal other than the Public Prosecutor, a Senior Deputy Public Prosecutor or a Deputy Public Prosecutor."

8. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 380 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 380.

"Prosecution by private persons. 380. Notwithstanding anything in this Chapter contained, any private person may appear in person or by advocate and prosecute for an offence against his own person or property in a non-seizable case in the Court of a Magistrate."

9. Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 380 seksyen yang berikut: Seksyen baru 380A.

"Sections 377 and 380 to prevail over other laws. 380A. The provisions of sections 377 and 380 shall prevail notwithstanding any inconsistency with any other written law."

Pindaan
seksyen 422.

10. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 422 dengan seksyen yang berikut:

"Irregularities not to vitiate proceedings.

422. Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of—

- (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial or in any inquiry or other proceedings under this Code;
- (b) the want of any sanction; or
- (c) the improper admission or rejection of any evidence,

unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice."

Kecualian.

11. (1) Peruntukan Akta ini tidaklah terpakai bagi apa-apa pendakwaan atau presiding yang telah dimulakan tetapi belum selesai pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

(2) Tiada dapatan, penghakiman, hukuman atau perintah mana-mana Mahkamah yang dibuat atau dijatuhkan atau dikenakan sebelum tarikh Akta ini mula berkuat kuasa atau semasa atau pada akhir mana-mana pendakwaan atau presiding yang disebut dalam subseksyen (1) boleh diakaskan, dipinda atau tersentuh oleh mana-mana peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah ("Kanun") berhubungan dengan prosiding jenayah yang dimulakan oleh orang persendirian ("saman persendirian") dan penjalanan pendakwaan.

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan ini dan peruntukan yang memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh Akta yang dicadangkan ini akan mula berkuat kuasa.
3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 133 Kanun supaya Pendakwa Raya akan dimaklumkan tentang pemulaan apa-apa prosiding saman persendirian.
4. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 134 Kanun. Pindaan ini ada hubungan dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 133. Dengan pindaan yang dicadangkan, Pendakwa Raya dapat mengambil bahagian dalam apa-apa siasatan yang dijalankan oleh Majistret yang mempunyai sebab untuk meragui kebenaran sesuatu aduan. Jika Majistret itu merujuk perkara itu kepada polis untuk dibuat siasatan, pindaan yang dicadangkan ini menghendaki supaya laporan polis itu dikemukakan tidak saja kepada Majistret tetapi juga kepada Pendakwa Raya.
5. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 135 Kanun. Pindaan ini adalah pindaan yang berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 133.
6. *Fasal 5* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 376 Kanun untuk membolehkan Pendakwa Raya menetapkan mana-mana Timbalan Pendakwa Raya sebagai Timbalan Kanan Pendakwa Raya. *Fasal* ini juga bertujuan untuk membolehkan Penolong Pendakwa Raya dilantik.
7. *Fasal 6* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 377 Kanun supaya, selain Pendakwa Raya, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Pendakwa Raya, hanya orang-orang yang dinyatakan dalam seksyen itu yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan dalam mana-mana mahkamah.

Pindaan yang dicadangkan menjadi perlu oleh sebab keputusan mahkamah dalam kes *Repro Holdings Berhad Iwn. Pendakwa Raya* yang diumumkan pada 2 Oktober 1997.
8. *Fasal 7* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 378 Kanun supaya rayuan kepada mahkamah atasan tidak boleh dijalankan oleh mana-mana orang selain Pendakwa Raya, Timbalan Kanan Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya.
9. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 380 Kanun. Ini ialah pindaan yang berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 377.

10. *Fasal 9* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 380A ke dalam Kanun supaya peruntukan seksyen 377 dan 380 akan terpakai walaupun terdapat apa-apa ketakselarasan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain.

11. *Fasal 10* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 422 Kanun ekoran penghapusan perbicaraan dengan juri dan perbicaraan dengan bantuan pengapit.

12. *Fasal 11* ialah suatu peruntukan kecualian yang perlu bagi maksud menjelaskan bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini tidak akan berkuat kuasa secara kebelakangan.

13. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini ialah pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 2050.]